

Pancaragam VI iringi pemergian Dr. M

UM 01/11/2003 - 2 PRECISE

PUTRAJAYA 31 Okt. — Pancaragam Sekolah Victoria Institution (VI) membuat persembahan istimewa lagu-lagu bagi mengiringi pemergian Tun Dr. Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali di pintu keluar dan masuk kakitangan Kompleks Pejabat Perdana Menteri (PPM) di sini.

Dr. Mahathir meninggalkan Kompleks PPM setelah menghadiri majlis serah tugas dan tanggungjawab sebagai Perdana Menteri kepada penggantinya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Seramai 18 anggota pancaragam *brass* itu membuat persembahan beberapa buah lagu sambil guru-guru sekolah VI pula memegang kain rentang yang tertulis *A Tribute to Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad: A Great Leader, Scholar, Sportsman, Gentleman.*

Kira-kira 100 orang awam turut menanti lebih sejam di pintu itu sebelum dapat

melihat kereta Proton Perdana dengan nombor pendaftaran Proton 2020 membawa Dr. Mahathir dan isteri keluar dari kompleks berkenaan pada pukul 5.30 petang.

Seorang guru dari VI, Syed Zakaria Syed Hassan yang ditemui berkata beberapa lagu dimainkan ditujukan khas kepada Dr. Mahathir sebagai memperingati sumbangan dan jasa beliau kepada negara khususnya dalam bidang pendidikan serta kepada sekolah itu. — Bernama